

Giliran Temerloh, Bera dilanda banjir

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN | 4 Disember 2024, 11:39 am



ANGGOTA APM meninjau keadaan air yang mula naik di Kampung Kuala Triang di Bera hari ini.

TEMERLOH – Selepas tiga daerah iaitu Raub, Lipis dan Jerantut pulih daripada banjir semalam daerah Temerloh dan Bera pula mula berhadapan dengan banjir.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, Che Adam A. Rahman berkata, pada masa ini seramai 50 mangsa daripada 10 keluarga di dua daerah berkenaan dipindahkan di empat Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

“Seramai 12 mangsa daripada dua keluarga dipindahkan di dua PPS di Temerloh manakala seramai 38 mangsa daripada lapan keluarga dipindahkan di dua PPS di Bera.

“Kita terus melakukan pemantauan berterusan dan kejadian banjir ini adalah berikutan penurunan air daripada kawasan hulu sungai Jelai ke Sungai Lipis, Jerantut dan Temerloh serta Bera,” katanya di sini hari ini.

Dalam pada itu katanya, pada masa ini Sungai Pahang di Temerloh dan Jerantut serta di Maran berada pada paras amaran.

Katanya, trend air Sungai Pahang di Lipis dan Maran menunjukkan trend peningkatan setakat ini. – KOSMO! ONLINE